

TARIKH	14 / 9 / 2016	SEKSYEN	PENGALAMAN TUMAI HAJI
MUKA SURAT	38	RUANGAN	

# Menangis lihat Kaabah depan mata

**M**enunaikan haji di Baitullah menjadi impian setiap Muslim dan Muslimah di muka bumi ini. Bagi mereka yang telah menunaikan haji, pengalaman dan kenangan sepanjang berada di Makkah dan Madinah sukar untuk dilupakan.

Ia tidak akart sama dengan pengalaman melawat ke tempat lain dan tidak dapat diperoleh di mana-mana jua.

Bagi setiap umat Islam yang berkemampuan, menunaikan ibadah haji sangatlah dituntut.

Ibadah haji bukan sahaja menuntut persediaan material dan spiritual, malah aspek fizikal juga perlu ditekankan. Justeru, bakal jemaah hendaklah memastikan diri mereka bersedia sepenuhnya untuk menunaikannya.

Pelbagai kisah yang kita dengari daripada pengalaman orang yang menunaikan haji termasuk ada yang ditimpa musibah semasa berada di Makkah.

Bagaimanapun, ini 1,001 satu pengalaman yang cukup istimewa kepada bakal haji ataupun kepada saudara mereka itu sendiri yang berkesempatan melaksanakan ibadah haji sebagai Rukun Islam kelima.

## KUALA SELANGOR SIRI 1

—“Saya takut sangat kalau-kalau ALLAH tak izinkan tengok Kaabah sebab dengar pengalaman orang, mereka tak nampak walaupun dalam Masjid al-Haram,” demikian kata seorang guru, Ghazali Harun, 55.

Katanya, dia sering mendengar cerita mutawif mengenai kisah jemaah haji yang penuh igitar kerana tidak dapat melihat Kaabah seperti insan lain ketika menunaikan haji di sana.

“Masa tiba di Makkah, saya diselubungi perasaan takut bila teringat cerita mutawif itu memandangkan mungkin ALLAH tak mengampunkan dosa-dosa masa muda dulu.

“Masa dapat jejak kaki masuk dalam Masjid al-Haram, satu perasaan sukar digambarkan dan penuh debaran. Bila masuk naik tangga ke dalam masjid, sikit-sikit saya jalan dan nampak Kaabah.

“Alhamdulillah...syukur saya kepada ALLAH kerana dapat tengok depan mata sampai berlinangan air mata,” katanya sebab mengimbau kenangan menunaikan haji pada 2010.

Guru Sekolah Menengah Agama (SMA) Kuala Selangor itu berkata, menjejaki kaki ke kota Makkah dan Madinah menjadi impiannya sejak kecil selepas melihat pengalaman ayahnya yang pergi ke sana menaiki kapal laut.

Menurutnya, dia masih ingat, dia dan keluarga terpaksa menyewa bas untuk menghantar ayahnya ke Pelabuhan Klang pada 1976 dan perjalanan itu mengambil masa lebih kurang tiga bulan untuk pergi dan balik.

“Tapi yang seronoknya, jemaah haji boleh dengar ceramah dan kuliah ilmu untuk tempoh berada dalam kapal dan mereka lebih rapat mesra seperti saudara sendiri.

“Dulu orang Terengganu kalau hantar orang pergi haji ni, mereka satu kampung sanggup cuti sehari berkumpul dekat rumah sebagai penghormatan dan lambaian terakhir.

“Budaya orang kampung masa tu cukup kuat dan meriah kerana



Ghazali bersama isterinya, Siti Zainah Zailani melihat gambar mereka di tanah suci yang diabadikan dalam telefon bimbit.

mengganggu orang pergi haji ini cukup tinggi darjatnya dan mereka tak putus-putus bersalaman seolah-olah itulah kali terakhir akan berjumpa,” katanya.

Ghazali berkata, suasana sekarang berbeza, mungkin sekarang lebih mudah dengan menaiki kapal terbang malah tempoh masa lebih cepat.

## Kepala kena pijak

GHAZALI turut berkongsi pengalaman cukup mencemaskan ketika berada di Kota Madinah apabila kepalanya dipijak ketika orang ramai beresak-acak untuk mendapatkan tempat raudhah dalam Masjid Nabawi.

“Masa itu, saya cukup teruja bila dapat jejak kaki dalam Masjid Nabawi sebab ajar subjek sirah nabi. Jadi bila dapat tengok makam nabi, hati cukup bersyukur yang amat.

“Rasa sebak bila betul-betul berada dekat dengan makam Rasulullah sampai menitis air mata...bila dapat peluang berdoa di tempat yang mustajab doa tu, saya tak sedar ramai manusia berebut-rebut di kawasan tu.

“Sampaikan kepala saya dipijak, cermin mata entah ke mana tapi Alhamdulillah tak ada apa-apa...memang kalau tengok tempat raudhah tu penuh sesak dengan orang sampai ada yang meraung,” katanya.

Ghazali berkata, apabila



Ghazali bersama isterinya ketika menunaikan haji.

berada di tanah suci, hati perlu bersih dan tidak boleh bersangka buruk.

“Ada satu hari, isteri saya sesat ketika mahu pulang ke hotel dan saya ingat, masa tu saya cakap tak mungkin boleh sesat.

“Esoknya saya pula sesat... ALLAH bayar ‘cash’ terus. Sebab tu saya sentiasa muhasabah diri, banyakkian bersabar

dan jauhkan perasaan buruk. Alhamdulillah, ALLAH permudahkan semuanya.

“Bila saya kelaparan dan jauh nak cari makanan, ALLAH permudahkan dengan datangnya orang bersedekah kurma. Alhamdulillah juga sepanjang tempoh kami di sana, semuanya dipermudahkan dan tiada musibah tak diingini,” katanya.



Ghazali tidak melepaskan peluang bergambar dengan petugas di sana.



Ghazali (Kanan) merakam kenangan bersama sebahagian jemaah haji ketika menunaikan haji pada 2010 lalu.